

■ Mudah atasi
KK Pahang,
duduki
tangga kedua
Liga IPT



AKSI
SETEMPAT

Arena mengalu-alukan sebarang aktiviti sukan di pelbagai peringkat untuk disiarkan di akhbar ini. Gambar serta keterangan ringkas boleh dihantar ke sukan@hmetro.com.my

Oleh Nasir Ahmad
Kuala Lumpur

UiTM Shah Alam mempamerkan kebangkitan ketika Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) meneruskan penguasaan dalam saingan Divisyen Satu bola sepak Liga Institusi Pengajian Tinggi selepas menumbangkan Kolej Komuniti Kedah (KK Kedah) 3-0, baru-baru ini.

KK Kedah dibelasah juara bertahan, UiTM Perlis 6-0 kekal corot tanpa sebarang kemenangan selepas enam perlawanan.

UiTM Shah Alam yang



PEMAIN UnisZA mengasak pemain lawan.

muncul juara Piala FA Kementerian Pelajaran Malaysia musim kedua minggu lalu, menang mudah 4-0 ke atas Kolej Komuniti Pahang (KK Pahang) dalam saingan di gelanggang sendiri untuk menduduki tangga kedua carta selepas lima perlawanan.

Sabtu ini, UnisZA akan melayan kunjungan UiTM Shah Alam dalam aksi tumpuan di Kompleks Sukan Gong Badak, Kuala Terengganu.

Sementara itu, persaingan antara Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) makin getir menyaksikan pasukan dari Pulau Pinang itu menguasai carta Divisyen Dua selepas menewaskan UiTM Pahang 2-1.

UIAM bagaimanapun tidak beraksi Sabtu lalu dan kekal di tangga kedua dengan 18 mata menerusi lapan perlawanan, satu mata di belakang USM dengan jumlah aksi sama.

Dua pasukan teratas itu akan bertembung di Stadium UIAM di Gombak. Pada pertemuan pusingan pertama di Pulau Pinang, USM menang mudah 3-0.